

16/02/1998

Jangan leka kepada pemilihan

Ridzuan Yop

GEORGETOWN, Ahad - Ahli Umno diingatkan agar tidak menjadikan pemilihan jawatankuasa cawangan dan bahagian sebagai fokus utama sehingga melupakan tanggungjawab lain, khususnya mengatasi kegawatan ekonomi yang melanda negara kini.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata adalah tidak wajar ahli Umno yang terbabit dalam pemilihan, leka untuk bertanding sehingga tidak memberikan sumbangan dan tumpuan membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Syed Hamid yang juga Menteri Pertahanan, berkata perpaduan ahli perlu dikekalkan kerana kestabilan dalam parti dan kerajaan bergantung kepada kekuatan politik Umno.

"Oleh itu jangan terlalu berpolitik sehingga lupa tugas kita membantu dan menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi negara sekarang," katanya ketika berucap merasmikan semua 42 cawangan Umno Bahagian Bukit Mertajam, di sini semalam.

Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Bukit Mertajam, Datuk Dr Ibrahim Saad yang juga Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

Syed Hamid berkata, kekuatan dan kestabilan Umno adalah cermin bagi orang luar untuk menunjukkan rakyat negara ini bersatu dalam apa juga keadaan.

Beliau berkata, kalau ahli Umno menunjukkan imej tidak baik ia boleh memberikan kesan buruk kepada negara dan seterusnya menyukarkan usaha untuk keluar daripada kegawatan ekonomi.

"Walaupun kegawatan ekonomi bersifat sementara, namun usaha pemulihannya bergantung kepada sejauh mana ahli Umno dapat menghayati semangat pengorbanan," katanya.

Menurutnya, Umno bukan parti yang tersendiri, tetapi ia adalah satu pergerakan umat Melayu yang melampaui sempadan.

Sehubungan itu, katanya, setiap ahli Umno perlu memahami nasihat Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menginginkan setiap pertandingan tidak wajar menyebabkan perpecahan.

"Pertandingan merebut jawatan dalam cawangan dan bahagian Umno bukan disekat jika ia mengukuhkan perpaduan. Kita mempunyai pilihan sama ada mahu bertanding atau tidak kerana yang penting ia membawa kebaikan," katanya.

Beliau berkata, tawaran untuk menjadi calon bagi merebut sesuatu jawatan bukan perkara mudah dan main-main kerana implikasinya besar terhadap keutuhan parti.

Sementara itu, Dr Ibrahim dalam ucapannya, mengingatkan ahli parti yang akan bertanding tidak menjadikan ahli lain sebagai musuh.

Menurutnya, pendekatan bertanding sesama ahli adalah berbeza berbanding melawan parti pembangkang. Oleh itu ia memerlukan pendekatan wajar.

"Adalah tidak wajar kita menjadi musuh kepada rakan kita yang makan semeja dan sembahyang bersama, tetapi tiba-tiba menjadi musuh kerana merebut jawatan tertentu," katanya

(END)